

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan ingin mencapai sasaran baharu dalam RMK12 seperti PNK Per Kapita RM57,882 (2020: RM42,500) dan Purata Pendapatan Bulanan Isi Rumah RM10,605 (2020: RM7,160) sebagai realistik dan boleh dicapai, memandangkan kita sudah berada di hujung 2021 dan berbaki 4 tahun sahaja lagi.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar pembangunan negara adalah satu perancangan yang pragmatik dan sentiasa mengambil kira perubahan persekitaran dan keperluan semasa. Pencapaian yang agak rendah dalam RMKe-11 akibat pandemik COVID-19 memerlukan Kerajaan untuk merangka dasar dan strategi yang lebih menyeluruh bagi memulihkan serta meletakkan semula ekonomi kepada landasan pertumbuhan jangka panjang yang lebih mampan dan berdaya tahan. Sehubungan itu, Kerajaan telah meletakkan sasaran yang lebih optimistik mengambil kira strategi dan transformasi yang akan dilaksanakan di bawah RMKe-12.

2. Antara, Kerajaan telah menyasarkan PNK per kapita meningkat daripada RM42,503 pada tahun 2020 kepada RM57,882 pada tahun 2025, iaitu peningkatan sebanyak 6.4% setahun. Sasaran yang ditetapkan ini adalah realistik berdasarkan kepada pencapaian peningkatan PNK per kapita bagi tempoh 2011-2019 iaitu sebanyak 5.4%. Selain itu, sasaran yang ditetapkan juga adalah selari dengan jangkaan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.5% hingga 5.5% setahun dan didorong oleh usaha untuk memulih dan memperkukuh asas ekonomi. RMKe-12 turut menetapkan sasaran purata pendapatan bulanan isi rumah meningkat daripada RM7,160 pada 2020 kepada RM10,065 pada tahun 2025, iaitu peningkatan sebanyak 7.0% setahun.

3. Kerajaan yakin semua sasaran yang telah ditetapkan mampu dicapai berikutan pelbagai strategi makro yang telah diperkenalkan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk meningkatkan produktiviti, menggalakkan pelaburan berkualiti, mempercepat peralihan struktur ekonomi, memanfaatkan penyertaan dalam rantai nilai global (GVC), meningkatkan bahagian pampasan pekerja (CE) dan memastikan kemampanan fiskal dalam jangka panjang.

4. Selain itu, peranan sektor swasta akan terus diperkasa supaya kembali menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Bagi memperkukuhkan peranan sektor swasta, Dasar Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) akan menjadi asas pembaharuan yang komprehensif dalam semua inisiatif dan dasar berkaitan pelaburan. Melalui NIA, pendekatan yang holistik dan bersasar akan diterapkan bagi menarik lebih banyak pelaburan langsung asing serta pelaburan langsung domestik. Institusi pelaburan akan distruktur semula untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti yang akan menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan yang kompleks serta mendorong penerimgunaan teknologi termaju. Ini akan mewujudkan pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi sekaligus akan meningkatkan pendapatan pekerja dan isi rumah.

5. Di samping itu, pertumbuhan beberapa industri yang strategik dan berimpak tinggi, iaitu elektrik dan elektronik, perkhidmatan global, aeroangkasa, industri halal, kreatif, pelancongan, biojisim dan aktiviti

pertanian pintar turut akan dilonjakkan sebagai sumber pertumbuhan baharu. Perusahaan mikro, kecil dan sederhana juga akan diperkasa melalui agenda transformasi pendigitalan bagi memacu pertumbuhan dalam norma baharu pasca pandemik.

6. Kerajaan turut memberi tumpuan kepada usaha untuk mempercepat pembangunan bakat dengan meningkatkan kemahiran tenaga kerja bagi meningkatkan kebolehpasaran dan keupayaan untuk menceburi bidang yang boleh menjana pendapatan. Antara usaha yang akan menjadi tumpuan ialah dengan menggalakkan latihan tenaga kerja yang memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan selaras dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat. Bagi memastikan objektif yang ditetapkan dapat dicapai, kerjasama yang menyeluruh antara Kerajaan, industri dan penyedia latihan akan diwujudkan dalam mengenal pasti kemahiran dan bakat yang diperlukan oleh pasaran.

7. Selain itu, usaha akan dilaksanakan bagi mewujudkan lebih banyak peluang untuk menjana pendapatan isi rumah melalui aktiviti keusahawanan serta galakan untuk melabur dalam portfolio penjanaan pendapatan. Peluang juga turut disediakan kepada isi rumah supaya terlibat dalam perniagaan atas talian melalui pendigitalan. Usaha ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan pendapatan isi rumah melalui kepelbagaian sumber pendapatan selain gaji dan upah yang diterima.

8. Kerajaan yakin melalui segala usaha dan strategi yang akan dilaksanakan, sasaran yang ditetapkan iaitu peningkatan PNK per kapita kepada RM57,882 dan purata pendapatan bulanan isi rumah kepada RM10,065 pada tahun 2025 adalah realistik dan akan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.